

25/02/1997

MSC: Dua organisasi dapat lampu hijau

SEREMBAN, Isnin - Koridor Raya Multimedia (MSC) dijangka dilancarkan bulan depan dengan dua organisasi pertama, Universiti Multimedia dan Nippon Telephone and Telegraph (NTT), memulakan operasi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dijangka memberi lampu hijau kepada kedua-dua organisasi itu tidak lama lagi, menjadikannya projek percubaan MSC yang pertama.

NTT akan menubuhkan kemudahan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), manakala Universiti Multimedia akan ditempatkan di Cyberjaya, berhampiran pusat pentadbiran baru Putrajaya,

Sejak lawatan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Jepun dalam misi untuk memperkenalkan MSC bulan lalu, MDC menerima lebih 400 pertanyaan daripada syarikat multimedia usahasama tempatan dan asing, kebanyakannya berurusan dengan perisian dan pengeluar komponen elektronik

"Tetapi senarai itu tidak lengkap. Saya sendiri juga menerima banyak pertanyaan. Sambutan cukup hangat. Boleh dikatakan beratus pertanyaan dan cadangan daripada syarikat besar dan kecil yang MDC dapat untuk menyertai MSC."

"Mac ini, MDC akan membuat penilaian dan akan mengiktiraf syarikat ini benar-benar terbabit dengan IT atau tidak."

"Kita tidak mahu pengilangan biasa dalam MSC. Kita hendak pengilangan, R&D, operasi pengeluaran fasiliti seluruh dunia dipusatkan di sini. Kita hanya mahu syarikat khusus dengan IT saja," katanya selepas merasmikan Kompleks Samsung Electronics di Sungai Gadut, Kawasan Perindustrian Senawang di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Samsung, Yun Jong Yong.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, kerajaan tidak akan memberi keistimewaan kepada syarikat multimedia tempatan atau mengehendkan penyertaan syarikat multimedia asing dalam MSC.

Syarikat tempatan perlu bersaing dengan syarikat asing kerana MSC adalah ujian kepada negara untuk memasuki industri teknologi maklumat (IT).

Ini bermakna kerajaan tidak akan menyekat penyertaan mana-mana syarikat multinasional yang didapati layak melabur dalam MSC supaya teknologi terbaik boleh dibawa masuk ke negara ini.

"Kita tidak ada kuota. Seperti mana yang saya kata, kita masuk dalam IT yang juga satu bidang baru. Kita tidak boleh cuba menyekat orang itu dan orang ini. Itu akan datang apabila kita sudah selesai dengan MSC.

"Kalau kita dapati ia boleh dikembangkan ke seluruh negara, masa itu baru kita pertimbangkan mengenai satu dasar nasional. MSC adalah satu eksperimen atau satu platform ujian untuk memasuki industri IT.

"Kita tidak boleh meletakkan terlalu banyak syarat sehingga mereka tidak mahu datang," katanya.

Perdana Menteri berkata, syarikat tempatan boleh bersaing secara individu atau mengadakan usaha sama dengan syarikat asing untuk mengambil bahagian dalam MSC. Kerajaan juga akan membenarkan syarikat asing membawa masuk pekerja luar tanpa mengehendkan jumlahnya dan tinggal di sini beberapa tahun.

Sebelum ini, kerajaan mengehendkan tempoh perkhidmatan pekerja asing di negara ini di antara dua dan tiga tahun selain mengehendkan pergerakan keluar masuk mereka.

Beliau berkata, syarikat Korea seperti Samsung boleh merancang sesuatu untuk menyertai MSC kerana syarikat seumpama itu memang mempunyai tempat. Kerajaan sudah menyiapkan pelan pembangunan Cyberjaya selain kawasan kediaman, komersil, kilang dan universiti dalam kawasan Putrajaya.

Ditanya pelaksanaan kerajaan elektronik, Dr Mahathir berkata satu perbincangan sudah diadakan minggu lalu oleh MDC dengan semua jabatan terbabit supaya mereka faham maksud kerajaan elektronik dan bagaimana ia dilaksanakan.

"Langkah pertama, kita akan memperkenalkan penggunaan kios elektronik. Ia seperti ATM. Jadi, orang boleh berurusan dengan kerajaan dan tidak perlu ke kaunter untuk bertemu pegawai kerajaan tetapi dia boleh pergi ke kios.

"Kalau prosesnya ringkas, dia boleh memasukkan data yang perlu dan kemudian komputer akan tentukan data itu dan kita tahu siapa dia. Selepas itu dia boleh dapat, umpamanya lesen memandu melalui mesin.

"Bagi kes tertentu, pegawai kerajaan hanya akan meneliti satu atau dua perkara. Contohnya berkaitan rekod jenayah dan kerakyatan. Hanya dua tiga perkara diproses oleh pegawai. Yang lain diinput kemudian mesin meneliti kesahihan maklumat sebelum mengeluarkan dokumen diperlukan," katanya.

(END)